

03/04/2000

Ku Li masih kekal dengan 13 pencalonan

KUALA LUMPUR, Ahad - Dengan hanya tinggal sembilan bahagian Umno yang belum mengadakan mesyuarat, kedudukan sama ada Tengku Razaleigh Hamzah berjaya melepasi kelayakan bertanding jawatan Naib Presiden, masih menjadi perhatian.

Setakat ini, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu kekal dengan 13 pencalonan apabila gagal memperolehi sebarang pencalonan bagi jawatan itu dari empat bahagian yang bermesyuarat hari ini.

Beliau memerlukan empat lagi pencalonan sebagai syarat kelayakan bertanding jawatan itu.

Sehingga hari ini, 156 bahagian sudah mengadakan mesyuarat. Bagaimanapun, bahagian Gua Musang yang diketuai Tengku Razaleigh, mengambil keputusan untuk tidak mencalonkan sesiapa bagi semua jawatan yang dipertandingkan.

Majlis Tertinggi (MT) sebelum ini menetapkan hari ini sebagai tarikh akhir untuk bahagian mengadakan mesyuarat, tetapi dilanjutkan berikutan kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Sanggang di Pahang.

Penangguhan itu membabitkan lapan bahagian di Pahang, iaitu Jerantut, Raub, Bentong, Temerloh, Maran, Rompin, Mentakab dan Pekan. Bahagian berkenaan dijadual mengadakan mesyuarat sebelum 19 April.

Satu lagi bahagian, iaitu Bandar Tun Razak di Wilayah Persekutuan, pula dijangka mengadakan semula mesyuaratnya sebelum Jumaat ini selepas ditangguhkan Ahad lalu berikutan bantahan enam cawangan yang dibatalkan pendaftarannya.

Sementara itu, semua empat bahagian yang bermesyuarat hari ini, iaitu Kuala Kangsar dan Bukit Gantang di Perak serta Shah Alam dan Gombak, Selangor, mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan timbalan presiden.

Dengan itu, Perdana Menteri mengumpul 154 pencalonan dan timbalannya 153. Kedua-duanya sudah memenangi dua jawatan tertinggi itu tanpa bertanding setelah masing-masing melepasi 70 dan 80 peratus pencalonan dari 165 bahagian.

Untuk jawatan Pengerusi Tetap pula, kini sudah ada nama lain dicalonkan untuk mencabar penyandangannya, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah yang kini sudah memperoleh 154 pencalonan.

Umno bahagian Kepong yang mengadakan mesyuarat malam kelmarin mencalonkan ketuanya, Datuk Rizuan Abd Hamid untuk jawatan itu selain jawatan Timbalan Pengerusi Tetap.

"Ini kehendak ahli bahagian saya dan setakat ini saya belum bercadang menarik diri meskipun baru memperolehi satu pencalonan," kata Rizuan, 45.

Untuk melayakkan seseorang bertanding jawatan pengerusi dan timbalan pengerusi tetap memerlukan sekurang-kurangnya dua pencalonan. Umno bahagian Kepong turut mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah bagi jawatan naib presiden bersama Datuk Seri Najib Tun Hussein dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Najib terus mendahului senarai calon naib presiden apabila menerima empat lagi pencalonan hari ini, meningkatkan kepada 142.

Umno bahagian Shah Alam pula sebulat suara mencalonkan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar dan Najib untuk bertanding jawatan naib presiden.

Bagaimanapun, calon ketiga ditentukan melalui undi sulit yang dimenangi bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib apabila

memperolehi 241 undi mengatasi Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang mendapat 57 undi.

Umno Bahagian Gombak mencalonkan Najib, Abu Hassan dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar untuk jawatan Naib Presiden.